



## **KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### **TPM FADILLAH LUNCUR PUTRAJAYA URBAN OBSERVATORY (PUO) SEMPENA DIGITAL PUTRAJAYA EXHIBITION & CONFERENCE (DIPEC2024)**

**PUTRAJAYA, 4 Disember 2024** – Perbadanan Putrajaya (PPj) pada hari ini telah membuka tirai penganjuran acara Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC2024) yang akan berlangsung selama 2 hari iaitu sehingga 5 Disember 2024 di Dewan Persidangan Kompleks Perbadanan Putrajaya, Persiaran Perdana, Presint 3 dengan tema "*AI & Data Driven Future City*".

DiPEC2024 merupakan platform perkongsian untuk membincangkan pendekatan strategik bagi mencapai matlamat Bandar Pintar Berwawasan. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara bandar, menarik perkongsian antara bandar dan industri, mewujudkan peluang pekerjaan, pembangunan data raya dan pengurusan bandar yang inklusif dalam meningkatkan kesejahteraan sosial. Usaha ini akan menjadi asas untuk pertumbuhan jangka panjang dan bandar yang lebih baik untuk generasi akan datang. DiPEC2024 menampilkan lebih daripada 50 pameran dan 20 sesi ceramah bagi perkongsian teknologi serta inovasi terkini dari pakar dalam dan luar negara.

Bersempena acara ini, YAB Dato' Seri Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Putrajaya Urban Observatory (PUO) yang merupakan platform digital data raya bagi perkongsian data khusus untuk membolehkan pengumpulan dan analisis terhadap data-data perbandaran yang dibangunkan oleh PPj. PUO membolehkan perancangan pembangunan,

pengoperasian, pengurusan dan penyelesaian perbandaran dapat dilaksanakan dengan lebih strategik dan cekap serta berupaya mempercepatkan tempoh piagam bagi proses kelulusan cadangan pemajuan.

Sistem yang berasaskan pemetaan ini mampu membuat analisa kepelbagaian data untuk membantu PPj dalam membuat keputusan yang tepat terhadap sesuatu pembangunan, sekaligus meningkat kualiti dan tadbir urus perbandaran setaraf bandar-bandar pintar di dunia. Ianya mampu memberi amaran awal kepada PPj untuk mengambil tindakan yang pro-aktif bagi mengelakkan sesuatu pembangunan memberi kesan yang negatif kepada kehidupan warga Putrajaya.

PUO juga berperanan untuk melengkapkan visi CHASE City Wilayah Persekutuan sebagai pusat pengumpulan data dan pemantauan pelbagai aspek bandar termasuk kualiti udara, tahap kesihatan, keselamatan penduduk, pemantauan trafik, pengurusan sisa dan pelbagai lagi indikator kesejahteraan bandar.

YAB Timbalan Perdana Menteri berkata "Saya percaya, AI dan "*Big Data*" akan memberi kesan yang positif kepada rakyat. Ianya dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam membantu pentadbir bandar membuat keputusan yang tepat dan cepat berdasarkan analisis data yang komprehensif demi kesejahteraan semua".

YAB Dato' Seri Fadillah bin Haji Yusof turut berkata "Saya berharap perkongsian data di antara agensi dapat dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan awam. Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk penghasilan maklumat dan analisa yang bertepatan dengan situasi semasa di sebuah bandar. Ini dapat meningkatkan keberkesanan apabila kerajaan menyediakan peruntukan bagi sesuatu pembangunan".

Peluncuran PUO turut menjadi pelengkap kepada penganjuran DiPEC2024 selaras dengan fokus Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam menjayakan Pelan Strategik JWP 2025-2030 berdasarkan strategi *CHASE City (Clean, Healthy, Advance, Safe dan Eco-Friendly)*. Pengunjung ke DiPEC2024 berpeluang untuk menyaksikan pelbagai pameran berkaitan AI dan *Big Data* di dalam konteks Pengurusan Bandaraya.

Selain PUO yang memaparkan lebih dari 200 *GIS layer* dalam paparan peta geospasial yang mampu membuat geoanalitik, interaktif untuk trend bandar dan kepelbagaian data bandar, antara tarikan pada edisi kali ini adalah *Integrated Operation Centre* yang merupakan perisian utama di pusat pemantauan operasi *Putrajaya Command Centre* dalam mengendalikan pemantauan data bandar dan pengurusan insiden secara pro-aktif, penggunaan teknologi AI di dalam pengurusan pokok dan landskap, *Mobile Command Centre* dalam bentuk kenderaan pelbagai guna, teknologi drone di dalam pengurusan keselamatan bandar, teknologi *Digital Twin* dengan data perbandaran di dalam bentuk 3D, teknologi robotik berasaskan teknologi AI, teknologi AI di dalam audio dan visual, lampu isyarat pintar serta berpeluang melihat sendiri konsep AI di Putrajaya. Pengunjung juga berpeluang untuk menyaksikan dan menaiki bas tanpa pemandu di sekitar Persiaran Perdana.

Siri ceramah DiPEC2024 turut memberi peluang kepada pentadbir bandar mendengar dan membincangkan perkongsian yang akan disampaikan berkaitan penggunaan AI di dalam pengurusan keselamatan dan trafik bandar, polisi berkaitan Bandar Pintar, teknologi V2X di dalam pengurusan trafik, inovasi di dalam bidang kejuruteraan dan Pusat Kawalan Bandaraya yang bersepadu .

Putrajaya telah menerima pengiktirafan sebagai *Developing Smart City* semasa sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 baru-baru ini, turut berhasrat untuk bekerjasama dengan bandar-bandar lain bagi meneroka

pendekatan Bandar Pintar dalam mengurus sesebuah bandar. Dengan 84% pencapaian pembangunan Bandar Pintar berdasarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya (2018-2025), DiPEC2024 dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk melihat dan mempelajari strategi pembangunan Bandar Pintar di Putrajaya yang boleh diadaptasi ke bandar-bandar lain. DiPEC2024 bukan sahaja platform G2G untuk Kerajaan Tempatan tetapi juga meliputi rangkaian G2B dan B2B.

Penganjuran DiPEC2024 diharap bukan sahaja sebagai platform untuk bertukar pandangan mengenai kemajuan teknologi masa kini tetapi juga sebagai medium untuk potensi jalinan kerjasama dan kolaborasi dalam bidang dua hala serta pelbagai hala.

**(ASMAWI BIN AHMAD)**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 3 Disember 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564.

